

30/05/1998

Kerajaan jamin bantu syarikat kecil

TUMPAT, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memberi jaminan kerajaan akan terus komited membantu syarikat kecil dan besar milik Bumiputera yang menghadapi masalah dalam kegawatan ekonomi sekarang ini.

Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak akan bersikap pilih kasih dan komitmen itu akan diteruskan walaupun pihak asing menuduh kononnya syarikat Bumiputera yang berjaya adalah suku sakat kepada pemimpin kerajaan.

Menurutnya, sikap pihak asing itu didorong perasaan iri hati terhadap kejayaan syarikat Bumiputera dan mahu melihat orang Melayu terus miskin dan mundur di negara ini.

"Jika syarikat Bumiputera, termasuk Melayu dibiarkan bankrap, kita akan kembali seperti sebelum Dasar Ekonomi Baru (DEB) diperkenalkan yang mana orang Melayu adalah miskin.

"Kita tidak ada pilih kasih hanya kerana membantu mereka yang berjaya dan berkebolehan," katanya ketika merasmikan eksposisi Multimedia, Telekomunikasi dan Elektronik Kelantan (Emtek 98') di Sekolah Menengah Chabang Empat di sini.

Emtek 98 adalah majlis rasmi pertama beliau secara terbuka bersama rakyat selepas kembali bertugas pada 20 Mei lalu, berikutan pembedahan kecil di buku lali kirinya dan menjalani rawatan di Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia selama seminggu.

Walaupun dalam keadaan kaki dan tangannya yang masih sakit, Perdana Menteri kelihatan bersemangat memberikan ucapannya.

Hadir sama di majlis itu bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Ghafar Baba; Pengerusi Barisan Nasional (BN) Kelantan, Datuk Annuar Musa.

Dr Mahathir berkata, pertolongan kerajaan itu bertujuan mengelakkan jurang kekayaan yang besar antara Bumiputera dan bukan Bumiputera di negara ini.

"Kita tak mahu lihat yang miskin orang Melayu dan yang kaya bukan Bumiputera.

"Kita tidak iri hati kepada mereka malah kita juga memberikan pertolongan sama ada kepada yang akan menjadi millionaire atau billionaire dan kita lebih berbangga lagi jika mereka mampu mempunyai pesawat, kapal dan sebagainya," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak akan mempedulikan apa yang pihak asing katakan mengenai usaha kerajaan menolong golongan Bumiputera sehingga mencapai kejayaan yang lebih baik.

Beliau juga kesal dengan sikap pihak asing itu kerana apabila kerajaan memperkenalkan Koridor Raya Multimedia (MSC), mereka mendakwa tindakan itu kononnya sebagai membazir.

"Sebenarnya ini adalah usaha untuk meningkatkan keupayaan rakyat negara ini termasuk Bumiputera dalam bidang multimedia seperti teknologi maklumat (IT)," katanya.

(END)